

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA
BIL. 2/2020

**SYARAT-SYARAT UNTUK MENYOKONG KELULUSAN BAGI PERMOHONAN
KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMBANGUNAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN
204D YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN PENGAMBILAN TANAH**

(○) Arahān ini dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir Tanah mengenai syarat-syarat untuk menyokong kelulusan bagi permohonan kebenaran merancang bagi pembangunan tanah di bawah Seksyen 204D yang terlibat dengan urusan pengambilan tanah.

Mesyuarat Dasar Pembangunan Tanah Negeri Melaka Bil 1/2020 bersetuju supaya syarat-syarat bagi Pentadbir Tanah untuk menyokong kelulusan bagi permohonan kebenaran merancang yang terlibat dengan pengambilan tanah adalah seperti berikut :

- (○)
- i. Pemohon/Pemaju telah mendapat **kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri** bagi pengambilan tanah yang terlibat;
 - ii. Pemohon/Pemaju mesti melampirkan **Surat Setuju Terima** bagi permohonan tanah yang telah diluluskan;
 - iii. Pemohon/Pemaju mesti menjelaskan bayaran **baki deposit sebanyak 75%** dan mengemukakan bukti pembayaran ;
 - iv. Pemohon/Pemaju mesti melampirkan **Surat Aku Janji** bahawa pemohon akan bertanggungjawab menyelesaikan proses pengambilan tanah yang berkaitan sehingga pengeluaran hak milik sambungan.

Arahan ini hanya terpakai bagi pengambilan yang melibatkan penyediaan infrastruktur bagi pembangunan projek. Sekiranya pengambilan melibatkan unit pembangunan di projek berkenaan, maka hendaklah diselesaikan sepenuhnya sehingga pengeluaran hak milik sambungan.

"MELAKA BERWIBAWA"
"PINTAR, HIJAU, BERSIH"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK ZAFRI BIN JOHARI)
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka.

Tarikh : 28 Januari 2020